

Bab 4

Hubungan di antara Orang Cina dengan Orang Vietnam dan Puak Minoriti Vietnam

Pendahuluan

Kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam menjadi semakin ramai selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China pada tahun 1644. Kumpulan orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam selepas kejatuhan kerajaan Ming secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan *Minh Huong* yang merujuk orang Cina dinasti Ming yang datang ke selatan Vietnam selepas kejatuhan kerajaan Ming. Sementara golongan kedua ialah golongan *Thanh Ha* yang merujuk kepada orang Cina dinasti Qing yang datang ke selatan Vietnam pada dinasti Qing.

Bab ini membincang proses pembentukan komuniti *Minh Huong* dan komuniti *Thanh Ha* di selatan Vietnam serta identiti mereka dalam masyarakat di selatan Vietnam. Selain itu, hubungan di antara orang Cina dengan orang Vietnam dan puak minoriti juga dikaji dalam bab ini.

Pembentukan Komuniti Minh Huong

Selepas kejatuhan dinasti Ming di China pada tahun 1644, ramai pelarian Cina telah melarikan diri ke selatan Vietnam. Dasar pemerintah Nguyen yang membuka pintu mengalu-alukan kedatangan imigran Cina telah membuka lembaran baru dalam sejarah orang Cina di selatan Vietnam.

Penghijrahan imigran Cina secara besar-besaran ke selatan Vietnam berlaku terutamanya pada abad ke-17. Pada waktu itu pemerintah Nguyen membahagikan orang Cina kepada dua golongan iaitu golongan *Minh Huong* (orang Cina dinasti Ming) dan golongan *Thanh Ha* (orang Cina dinasti Qing) untuk membezakan mereka.

Menurut Chen Chingho, pada akhir dinasti Ming di China pada abad ke-17, perperangan serta pergolakan politik di China telah menyebabkan ramai pegawai Cina dinasti Ming dan pelarian Cina melarikan diri ke Hoian, Vietnam Tengah. Kedatangan imigran Cina yang ramai ini telah menimbulkan isu penempatan mereka di Hoian memandangkan kemudahan yang terhad di tempat penginapan orang Cina yang sedia ada tidak mampu menampung pertambahan imigran Cina yang bertambah secara tiba-tiba. Maka, pemerintah Nguyen yang berada di selatan Vietnam perlu memikirkan cara untuk menempatkan golongan imigran Cina yang berlebihan ini di kawasan yang lebih luas. Pada waktu yang sama, sebuah pertubuhan khas ditubuhkan untuk menguruskan perkara ini. Ini adalah kerana golongan Cina ini adalah berbeza dengan penduduk Cina yang tinggal di Dai Duong Nhail (*Great Tang Street*). Golongan Cina ini bukan merupakan golongan pedagang dan mereka berhasrat untuk tinggal tetap di selatan Vietnam. Dalam keadaan yang berbeza ini, maka wujudnya *Minh Huong Xa* 明乡社 (kampung *Minh Huong* atau kampung orang Cina dinasti Ming).¹

¹ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.36.

Berkaitan dengan istilah *Minh Huong* (明香), Chen Chingho berpendapat bahawa pada zaman sekarang, *Minh Huong* merujuk keturunan Cina-Vietnam yang berkongsi hidup di kampung *Minh Huong*.²

Menurut Gustave Hue, *Minh Huong* merujuk golongan Cina yang taat setia kepada kerajaan dinasti Ming dan mereka berhijrah ke Annam (selatan Vietnam) apabila kerajaan dinasti Qing memerintah China pada tahun 1644.³

Sementara A. Schreiner berpendapat bahawa *Minh Huong* bermaksud orang yang mengekalkan taat setia terhadap dinasti Ming. Ia juga merujuk keturunan hasil perkahwinan di antara wanita Vietnam dengan lelaki Cina dinasti Ming yang mencari perlindungan politik di Cochinchina (selatan Vietnam) pada penghujung abad ke-17.

Menurut A. Schreiner, *Minh Huong* ialah :

... the people maintaining the “Huong Hoa” 香火 (*cult*) of the Ming dynasty”, and that it also indicated “the metis born by the marriage between the Vietnamese women and Ming people who took refuge in Cochinchina in the 17th century.⁴

Manakala menurut Nguyen Cam Thuy, istilah *Minh Huong* (明香) yang terdiri daripada dua perkataan mempunyai maksud sendiri. Perkataan *Minh* bermaksud dinasti Ming. Sementara *Huong* bermaksud harum. Maka maksud keseluruhannya ialah bau

² Ibid., hlm.36-37.

³ Gustave Hue, *Dictionnaire Annamite-Chinois*, Francais, hlm. 57.

⁴ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.37.

harum daripada dinasti Ming. Sementara maksud tersirat *Minh Huong* (明乡) ialah kampung halaman orang Cina dinasti Ming.⁵

Berdasarkan inskripsi yang tercatat pada tugu peringatan batu yang berada di *Minh Huong Tuy Tien Duong* di kampung *Minh Huong* pada abad ke-18 yang berada di Hoian, perkataan *Ming* 明 digunakan untuk menamakan kampung *Minh Huong* adalah bertujuan memperingati kejatuhan dinasti Ming, China. Bagi orang Cina dinasti Ming yang berada di Hoian, selagi istilah *Minh Huong* mempunyai kaitan dengan idea keturunan dinasti Ming di China ataupun bermaksud taat setia kepada maharaja Ming, maka itulah sebabnya kampung *Minh Huong* ditubuhkan selepas kejatuhan dinasti Ming.⁶

Maka, dapat dirumuskan bahawa orang *Minh Huong* merujuk orang Cina yang masih taat setia kepada dinasti Ming. Selepas kerajaan dinasti Ming digulingkan oleh kerajaan dinasti Qing, mereka melarikan diri ke selatan Vietnam untuk mencari perlindungan politik. Golongan Cina ini berkhidmat kepada maharaja selatan Vietnam dan menerima selatan Vietnam sebagai kampung halaman kedua. Dengan perkataan lain, mereka merupakan pelarian politik. Walaupun orang *Minh Huong* masih mengekalkan adat dan kebudayaan orang Cina, namun mereka dilayan sebagai orang Vietnam yang telah memberi sumbangan dalam banyak bidang pada peringkat awal pemerintahan Nguyen. Orang *Minh Huong* dilarang mengamalkan adat resam dinasti Qing dalam

⁵ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.8.

⁶ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.37.

kehidupan mereka.⁷ Keturunan orang *Minh Huong* juga dilayan sama seperti orang Vietnam yang mempunyai kebebasan dalam semua aspek. Mereka juga mempunyai kedudukan dalam istana kerajaan selatan Vietnam.⁸

Berkaitan dengan kampung *Minh Huong*, maka wujudnya satu persoalan iaitu bilakah kampung *Minh Huong* dibentuk ? Untuk menjawab persoalan tersebut, Chen Chingho telah mengemukakan empat pandangan yang berkaitan dengan pembentukan kampung *Minh Huong* di Hoian.

Pandangan pertama Chen Chingho ialah pada tahun 1644, kumpulan penjenayah di bawah pimpinan Li Tzu-ch'ing telah menguasai ibu kota Peking, China. Peristiwa tersebut telah menyebabkan maharaja Yi-tsung membunuh diri dan diikuti dengan kejatuhan dinasti Ming. Namun pada tahun yang sama Li Tzu-ch'ing telah digulingkan oleh maharaja Shih-tsu dan terbentuknya kerajaan Qing yang memerintah seluruh China. Sejak bermulanya pemerintahan kerajaan Qing, wujudnya siri penentangan anti kerajaan Manchu dan wujudnya gerakan pemulihan dinasti Ming yang dipimpin oleh tiga orang yang menyamar diri sebagai pewaris dinasti Ming yang bernama Fo-wang (1644-1645) di Yang-chow, T'ang-wang di Fu-chow dan K'uei-wang (Yeung-ming-wang 1647-1661) di wilayah Quang Dong dan Quangxi. Gerakan mereka telah mengalami kekalahan teruk apabila mereka diserang oleh tentera Qing.⁹

⁷ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945),, Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.13.

⁸ Ibid., hlm.68.

⁹ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.37.

Sementara tentera Cheng Ch'eng Kung 鄭成功 (beliau juga dikenali sebagai Koxinga oleh orang Barat) yang merupakan penyokong kuat dinasti Ming terpaksa meninggalkan pangkalan perjuangan mereka selepas gagal menakluki Nanking pada tahun 1659. Tentera Cheng Ch'eng Kung terpaksa menukar strategi dengan menakluki Taiwan yang sebelum ini dikuasai oleh tentera Syarikat Hindia Timur Belanda sejak tahun 1624. Akhirnya Cheng Ch'eng Kung menjadikan Taiwan sebagai pangkalan untuk menentang kerajaan Qing.¹⁰ Sebenarnya kejatuhan Peking ke tangan kerajaan Qing menandakan tamatnya dinasti Ming.

Pandangan kedua ialah pada tahun 1645, apabila tentera Qing berjaya menakluki Yang-chow, ia menandakan bermulanya pemerintahan kerajaan Qing di kawasan tengah dan selatan China. Dalam tempoh kurang daripada tiga bulan, kerajaan Qing telah mengisytiharkan ordinan menyimpan tocang (*wearing pig-tail*). Kedua-dua peristiwa tersebut yang berlaku dalam tahun yang sama dikatakan berkait rapat dengan penghijrahan rakyat selatan China secara besar-besaran ke seberang laut yang berlaku pada awal pemerintahan kerajaan Qing. Terutamanya ordinan menyimpan tocang membawa maksud perubahan yang besar dalam kehidupan orang dinasti Ming yang dahulunya menyimpan rambut panjang secara tradisi. Penguatkuasaan ordinan tersebut membawa maksud penghinaan besar kepada cara hidup orang Cina. Ini bermaksud bahawa orang Cina tidak dapat bertoleransi dengan ordinan tersebut kerana mereka masih taat dengan tradisi mereka turun-temurun. Tidak dapat disangkal bahawa terdapat kebimbangan dalam kalangan orang dinasti Ming tentang masa depan mereka dan mereka mempunyai perasaan benci terhadap kerajaan Manchu. Perasaan antipati

¹⁰ Ibid.

terhadap pertukaran pakaian dan penguatkuasaan ordinan menyimpan tocang oleh kerajaan Qing telah menyebabkan ramai orang Cina dinasti Ming melarikan diri ke Asia Tenggara kerana enggan menurut ordinan tersebut.¹¹

Trinh Hoai Duc (郑懷德) yang merupakan orang *Minh Huong* yang dilantik sebagai pegawai tinggi istana semasa pemerintahan maharaja Gia Long dan maharaja Minh Mang, dalam koleksi sajak beliau yang berjudul *Can Trai Thi Tap*, beliau telah menulis bahawa datuk beliau yang bernama Trinh Hoi telah berhijrah ke kampung *Thanh Ha* di Bien Hoa, selatan Vietnam kerana tidak dapat bertoleransi dengan ordinan Qing yang perlu memakai pakaian dinasti Qing dan mengikat tocang. Berikut adalah catatan beliau tentang perkara ini :

*At the beginning of the Qing rule, my grandfather Hoi, unable to tolerate the ordinan of changing the costumes and shaving the head, fled to the South, preserving his long hair, and settled in Thanh Ha xa, huyen of Binh Yen, phu of Phuc Long, tran of Bien Hoa.*¹²

Sementara Mac Cuu yang berasal dari Lei Zhou di wilayah Quang Dong, China juga telah berhijrah ke Ponteay Meas yang terletak di sempadan Vietnam-Kemboja. Kemudian beliau telah mendirikan kerajaan autonomi di Hatien. Menurut *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien* (Vol. 6, 1a) :

*When the Ming dynasty collapsed, the Qing ordered the people to wear pigtails, however, Cuu alone kept long hair, fled to Cambodia, where he was appointed ‘oknha’ (minister).*¹³

¹¹ Ibid., hlm.38.

¹² Ibid.

¹³ *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien* (Biografi Rasmi Awal Dai Nam), Vol. 6, hlm.1a dan Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.38.

Selain itu, Tran Duong Thuan yang berasal dari Lung Hsi di wilayah Fujian, China telah berhijrah ke Thua Thien (Hue) di Vietnam Tengah. Beliau merupakan pengasas kepada kumpulan keluarga Tran di kampung *Minh Huong* di Thua Thien. Menurut *Tran Thi Chanh Pha* (Orthodox Family Register of the Tran) :

(Our founding ancestor) moved to the South for engaging in the transactions, preserving the Ming costume.¹⁴

Dari pada beberapa kes penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam yang dibincangkan di atas, semua ini telah menggambarkan orang Cina memandang berat terhadap gaya rambut mereka. Menurut laporan pelayaran mengeliling dunia yang ditulis oleh William Dampier pada tahun 1697:

The ancient Chinese were very proud of the hair of their heads, letting it grow very long, and stroking it back with their hands curiously, and then winding the plats all together round a bodkin, thrust through it at hinder-part of the head; and both men and women did thus. But when the tartars conquered them they broke them of this custom they were so fond of by main force; insomuch that they resented this imposition worse than their subjection, and rebelled upon it; but being still worsted, were forced to acquiesce; and to this Day they follow the fashion of their masters the tartars, and shave all their heads, only reserving one lock which some tye up, others let it hang down to a great or small length as they please. The Chinese in other countries still keep their old custom, but if any of the Chinese are found wearing long hair in China, he forfeits his head; and many of them have abandoned their country to preserve their liberty of wearing their hair, as I have been told by themselves.¹⁵

Oleh yang demikian, kerajaan dinasti Qing yang memperkenalkan dasar asimilasi yang dilambangkan oleh ordinan menyimpan tocang telah menyebabkan ramai

¹⁴ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.38-39.

¹⁵ Ibid., hlm.39.

orang Cina dinasti Ming terpaksa mencari perlindungan politik di negara seberang laut sebaik sahaja ordinan tersebut dikuatkuasakan pada tahun 1645.

Pandangan ketiga yang dikemukakan oleh Chen Chingho ialah berdasarkan beberapa orang tokoh terkenal yang meninggalkan negara China ke negara lain pada awal dinasti Qing. Misalnya sami Buddha dinasti Ming seperti Chiung Yi dan Tu Li telah melarikan diri ke Jepun dan menjadi warganegara Jepun pada tahun 1653. Sementara paderi dinasti Ming yang bernama Yin Yuan (1592-1673) juga telah mencari perlindungan politik di Jepun pada tahun 1654. Manakala Wei Chiu Shih yang juga dikenali sebagai Chiu Kuan (1618-1689) merupakan seorang pedagang dari Fuchow di China telah pergi ke Nagasaki di Jepun pada tahun 1653 dengan tujuan untuk membantu perdagangan abangnya Wei Liu Shih, kemudian pergi ke Hoian pada tahun 1654. Tentang kes Chu Shun Shuei pula, beliau menjadi warganegara Jepun pada tahun 1659. Akan tetapi Chu Shun Shuei telah meninggalkan China pada tahun 1646 untuk pergi ke Quang Nam melalui Cheu Shan dan Nagasaki, dengan hasrat utama untuk menetap di Hoian.¹⁶ Perjalanan pelarian dinasti Ming telah mendedahkan bahawa penghijrahan mereka dari China berlaku dalam tujuh atau lapan tahun selepas tahun 1646.

Sementara pandangan keempat yang dikemukakan oleh Chen Chingho ialah kampung *Minh Huong* di Hoian merupakan kampung *Minh Huong* yang pertama yang didirikan pada zaman pemerintahan Nguyen. Namun, rekod rasmi Vietnam tidak merekod tarikh kampung *Minh Huong* dibentuk. Walau bagaimanapun, menurut Chen Chingho, tarikh pembentukan kampung *Minh Huong* dapat dikesan melalui plat papan

¹⁶ Ibid., hlm.39-40.

yang tertulis perintah raja yang digantung di depan pintu masuk Pagoda Quan Thanh di Hoian. Plat papan ini merupakan bahan sejarah yang tertua yang membawa nama *Minh Huong*. Perkataan “*Khanh Duc*” yang tercatat pada plat papan tersebut merupakan nama pemerintah Le Than Ton, sementara tahun “*Quy Ti*” merujuk tahun kelima *Khanh Duc* iaitu pada tahun 1653. Maka adalah jelas bahawa kampung *Minh Huong* di Hoian telah didirikan seawal tahun 1653. Berdasarkan maklumat di atas, adalah munasabah jika dikatakan bahawa kampung *Minh Huong* didirikan seawal tahun 1645 iaitu pada tahun di mana ordinan menyimpan tocang diumumkan di China dan yang paling lewat adalah pada tahun 1653 berdasarkan tahun yang dicatat pada plat papan Pagoda Quan Thanh.¹⁷

Manakala tugu peringatan batu Pagoda Quan Thanh yang dibaik pulih pada tahun 1753 mempunyai catatan bahawa :

*The Quan Thanh De temple and the Quan Am temple
were built by our village more than one hundred years
ago.*¹⁸

Berdasarkan maklumat tersebut, ini bermaksud bahawa pagoda ini dibina oleh penduduk kampung *Ming Huong* sebelum tahun 1653. Oleh yang demikian, adalah dipercayai bahawa kampung *Ming Huong* telah didirikan oleh sekumpulan pelarian dinasti Ming beberapa tahun selepas ordinan menyimpan tocang diisytiharkan pada tahun 1645, iaitu mungkin pada sekitar tahun 1650.

Penduduk kampung *Ming Huong* mempunyai amalan tradisi menyembah tokoh-tokoh yang mempunyai sumbangan besar dalam pembentukan kampung atau

¹⁷ Ibid., hlm.40.

¹⁸ Ibid., hlm.41.

mempromosikan kebajikan komuniti. Tokoh-tokoh ini dikenali sebagai *Tien Hien* 前賢 (*Meritorious Predecessors*). Penduduk *Minh Huong* membahagikan *Tien Hien* kepada empat kumpulan iaitu *Thap Lao* 十老 (*Ten Elders*), *Luc Tinh* 六姓 (*Six Clans*), *Tam Gia* 三家 (*Three Squires*) dan individu. Berdasarkan inskripsi batu yang terdapat pada *Minh Huong* *Tuy Tien Duong* di Hoian pada abad ke-18 :

Our village has enshrined Thap Dai Lai (Ten Great Elders) belonging to clans of Nguy 魏, Trang 庄, Ngo 吳, Thieu 鄭, Hua 胡 and Ngu 伍. They were officials of the former Chinese dynasty of the Ming. When the Ming dynasty collapsed, they refusing to serve the ensuing dynasty (i.e, Qing), escape to the South without revealing their official titles and real names. They grouped together other Chinese residing in the South, and in the naming of the village, the character “Minh” was adopted with the implication of commemorating the name of the ruined dynasty to which they had been attached. Similar villages were thus established all over the country, but the one in Quang Nam was the first among the thirty six provinces.¹⁹

Tambahan pula, inskripsi tersebut juga merekod tempat kediaman dan pencapaian *Tien Hien* di Hoian. Pada peringkat awal, kumpulan ini tinggal di Tra Nhieu, kemudian mereka berpindah ke Hoian. Mereka membina dan memajukan bandar Hoian dengan membina jalan, pasar dan tempat kediaman. Mereka memperkenalkan kadaster atau pejabat tanah, menebus guna tanah terbiar untuk penanaman pertanian, memperluas kawasan petempatan, menggalakkan lebih ramai pedagang datang berdagang di Hoian serta membina tokong dan pagoda yang cantik dan mengagumkan untuk mengekalkan

¹⁹ Ibid.

pelbagai upacara dan ritual.²⁰ Ini jelas menggambarkan orang *Minh Huong* cuba mengekalkan identiti Cina mereka walaupun di rantau orang.

Malah seorang wanita yang bernama Trinh Ngo Thi yang berasal dari keluarga Trinh yang kaya telah menderma duit untuk membeli sebidang tanah yang kemudiannya telah menjadi sebahagian daripada kawasan bandar. Sementara seorang pedeta Buddha yang bernama Hue Hong Dai (*Great Master Hue Hong*) telah menderma sebidang tanah kepada tokong.²¹ Dengan adanya nilai-nilai akhlak yang mulia dan unsur harmoni dalam kalangan orang *Minh Huong* serta sikap menyantung cara hidup yang mudah dan jujur, maka sudah pasti akan mewujudkan sebuah masyarakat *Minh Huong* yang harmoni dan maju. Fenomena yang baik ini dapat membantu kampung *Minh Huong* nampak berbeza daripada kawasan lain di bandar-bandar lain dan menjadikan kampung *Minh Huong* sebagai sebuah bandar yang boleh dicontohi dan dibanggakan di selatan Vietnam, malah menerima perhatian dan layanan yang istimewa daripada kerajaan Nguyen.

Laporan berkaitan dengan *Thap Lao* dan *Tam Gia* daripada sejarawan Vietnam yang bernama Nguyen Thieu Lau juga dapat mengesan kewujudan kampung *Minh Huong*. Menurut beliau, pada peringkat awal, *Thap Lao* terdiri daripada sepuluh orang Cina dinasti Ming yang berasal dari wilayah Fujian dan Chekiang yang tergolong dalam kumpulan keluarga Nguy, Ngo, Hua, Thieu, Ngu dan Trang yang telah sampai di Quang Nam, selatan Vietnam kerana melarikan diri daripada pergolakan politik selepas kejatuhan dinasti Ming di China pada tahun 1644. Penduduk *Minh Huong* memanggil sepuluh orang ini sebagai *Minh Huong Xa Thap Lao* (*Ten Elders of Minh Huong*

²⁰ Ibid., hlm.42.

²¹ Ibid.

Village) atau *Tien Hien*. Mereka ini merupakan pengasas kampung *Minh Huong* di Hoian. Sebenarnya tempat pertama yang mereka sampai ialah Thang Binh 斧平 yang terletak kira-kira 15-16 kilometer di selatan Hoian. Di sana mereka menjual ubat dan menjadi tukang tilik. Selepas suatu tempoh, barulah mereka berpindah ke Tra Nhieu di selatan Hoian. Di Hoian, mereka membina Tokong Quan Thanh untuk memuja dewa *Quan De*.

Apabila pelabuhan Tra Nhieu menjadi semakin cetek akibat daripada tanah pasir, *Thap Lao* sekali lagi berpindah ke kampung *Thanh Ha* 青霞, di sini mereka membina tokong untuk menyembah nenek moyang mereka. Namun apabila tempat singgah di pelabuhan *Thanh Ha* menjadi semakin cetek, maka *Thap Lao* membuat keputusan membeli sebidang tanah seluas 14.5 *mau* (kira-kira 7 hektar) di kawasan yang berdekatan dengan tiga buah kampung yang lain iaitu Cam Pho 锦庸, Hoian 会安 and Co Trai 古齋, di sini mereka mendirikan tempat kediaman. Selepas siap mendirikan kawasan kediaman, tiga orang dari China datang ke kawasan ini. Mereka ini ialah Tay Quoc Cong, Ngo Dinh Cong dan Truong Hoang Cong yang dikenali sebagai *Tam Gia* dalam kalangan penduduk kampung *Minh Huong*. Namun tarikh kedatangan mereka tidak dicatat. Walau bagaimanapun, tarikh kedatangan mereka dianggar pada awal abad ke-17. Sumbangan utama *Tam Gia* kepada komuniti *Minh Huong* ialah mereka berjaya mendapat kebenaran daripada istana Nguyen untuk mendirikan kampung mereka. Sehubungan itu, nama kampung *Minh Huong* telah wujud buat kali pertama pada pertengahan abad ke-17.²²

²² Ibid., hlm.42-43.

Nguyen Thieu Lau tidak menjelaskan sama ada *Thap Lao* datang ke Quang Nam serentak atau secara berasingan. Namun, Chen Chingho mempertikaikan penjelasan yang diberikan oleh Nguyen Thieu Lau yang menyatakan perpindahan *Thap Lao* dari Tra Nhieu ke kampung *Thanh Ha* dan dari kampung *Thanh Ha* ke kampung *Minh Huong* adalah disebabkan oleh kecetekan pelabuhan Tra Nhieu dan *Thanh Ha*. Ini adalah kerana menurut Da Shan yang melawat Hoian pada tahun 1695, beliau mengatakan bahawa pelabuhan Tra Nhieu di Hoian merupakan tempat singgah kapal-kapal pedagang asing.²³ Sementara menurut *Dai Nam Nhat Thong Chi* (Vol.5), Tra Nhieu merupakan tempat persinggahan utama bagi jong-jong China dan menjadikan Tra Nhieu sebuah pelabuhan yang sibuk.²⁴ Oleh yang demikian, menurut Chen Chingho, adalah lebih munasabah jika mengatakan bahawa perpindahan *Thap Lao* dari satu tempat ke tempat lain mungkin disebabkan oleh pertambahan penduduk, wabak ataupun kesukaran untuk menjalankan perdagangan.

Pada abad ke-17, selain kumpulan *Thap Lao*, terdapat juga ramai orang Cina dinasti Ming yang membentuk komuniti *Minh Huong*. Kewujudan kampung *Minh Huong* juga dapat dikesan melalui 14 “*Tu Duong*” 祠堂 (tokong nenek moyang) yang didirikan di Hoian yang dimiliki oleh 14 kumpulan keluarga Cina (*clan*) iaitu Truong, Tran, Luu, Lam, Phung, Vu, Chau, Hoang, Khuu, Thai, Le, Chu, Pham dan Tang. Misalnya dalam *Tu-Duong Lam*, terdapat maklumat seperti berikut yang tercatat pada plat kayu :

²³ 大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷四, 北京: 中华书局, 2000, hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80) dan Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.58.

²⁴ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.44.

Prepared respectfully on the auspicious day of the year Tan dau in the reign of Thien khai of Great Minh (1621)

LAM TON DUONG (Ancestral Temple of the Lam Clan)

Native place : Pho bach tram, Long Khe huyen, Chuong Chau phu, tinh Phuc Kien²⁵

Daripada maklumat di atas, maka dapat diketahui bahawa keluarga Lam yang berasal dari wilayah Fujian, China telah sampai di Hoian pada zaman dinasti Ming. Memandangkan kumpulan keluarga Lam tidak disenaraikan dalam golongan *Thap Lao*, maka selain *Thap Lao*, terdapat juga kumpulan pedagang Cina dari wilayah Fujian (China) yang telah bertapak dan tinggal di Hoian pada abad ke-17.²⁶

Sepuluh nama *Thao Lao* tercatat pada plat *Tuy Tien Duong Tien Hien Huong Pha Do Ban* 萃先堂前贤乡谱图板(*Tablet bearing the names of our predecessors according to the communal register kept in Tuy Tien Duong*) di *Minh Huong Thuy Tien Duong*, Hoian. Mereka merupakan bekas pegawai yang setia kepada dinasti Ming. Selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming, mereka enggan berkhidmat kepada kerajaan dinasti Qing. Maka, mereka berhijrah ke Quang Nam, selatan Vietnam.²⁷ Nama-nama mereka ialah :

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid. dan 大汕, 余思黎点校, 海外纪事(Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷四, 北京: 中华书局, 2000, hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80).

²⁷ Dipetik daripada inskripsi yang terdapat di *Minh Huong Tuy Tien Duong*, Hoian, Vietnam.

Khong Thai Lao Gia 孔太老爷²⁸

Nhan Lao Gia 颜老爷

Du Lao Gia 余老爷

Tu Lao Gia 徐老爷

Chau Lao Gia 周老爷²⁹

Hoang Lao Gia 黄老爷

Truong Lao Gia 张老爷

Tran Lao Gia 陈老爷

Thai Lao Gia 蔡老爷

Luu Lao Gia 刘老爷³⁰

Istilah *Lao Gia* (老爷) merupakan gelaran yang digunakan di negara China sebagai tanda hormat kepada pegawai tinggi atau orang yang berkedudukan tinggi pada zaman dinasti Ming. Maka gelaran ini memang sesuai digunakan pada sepuluh orang *Thap Lao* yang merupakan bekas pegawai istana dinasti Ming di China.³¹ Sementara nama Khong yang terletak di tempat pertama dengan gelaran dan tanda hormat yang istimewa iaitu *Thai Lao Gia* 太老爷 (*Reverend elder*) bukan sahaja menunjukkan orang *Minh Huong* memberi penghargaan istimewa kepada keturunan Khong, tetapi juga menunjukkan bahawa Khong berkedudukan paling tinggi dalam kalangan ahli *Thap Lao*.

Selain itu senarai nama *Luc Tinh* 六姓 (*Six clans*) juga dicatat pada plat “*Luc Tinh Huong Ky Lao* 六姓乡耆老 (*Six elder notables of the commune*) di *Minh Huong Tuy Tien Duong*, Hoian. Senarai nama *Luc Tinh* ialah Nguy, Trang, Ngo, Hua, Thieu

²⁸ Khong Thai Lao Gia juga dikenali sebagai Khong Thien Nhu (孔天如), makam beliau terletak di Cam Pho Phuong di Hoian, Vietnam Tengah. Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.46.

²⁹ Chau Lao Gia juga dikenali sebagai Chau Ky Son (周岐山), makam beliau terletak di Son Phong Phuong di Hoian, Vietnam Tengah. Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.47.

³⁰ Tokong Minh Huong Tuy Tien Duong, Hoian, Vietnam dan Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.45.

³¹ Dipetik daripada inskripsi pada tokong Minh Huong Tuy Tien Duong di Hoian, Vietnam.

dan Ngu. Begitu juga senarai nama *Tam Gia* dicatat pada plat *Tam Gia* iaitu Truong Hoang Co, Ngo Dinh Khoan dan Tay Quoc Tuong.³²

Selain daripada tiga kumpulan *Thap Lao*, *Luc Tinh* dan *Tam Gia*, terdapat beberapa orang tokoh Cina yang disembah dalam *Minh Huong Tuy Tien Duong* di kampung *Minh Huong*, Hoian disebabkan sumbangan mereka menderma duit yang banyak atau menderma tanah kepada kampung *Minh Huong*. Antaranya termasuk Ngo Thi Lanh (Trinh Ngo Thi) yang telah menderma sebidang tanah kepada kampung *Minh Huong*. Berdasarkan epigrafi makam Ngo Thi Lanh di Hoian, beliau dilahirkan dalam keluarga Cina yang berpengaruh dan berkedudukan iaitu keluarga Ngo yang merupakan ahli *Luc Tinh*. Beliau berkahwin dengan seorang ahli keluarga Trinh. Selepas kematian suaminya, Ngo Thi Lanh mewarisi jumlah harta yang banyak.³³

Berdasarkan inskripsi yang terdapat di *Minh Huong Tuy Tien Duong*, maka sudah cukup membuktikan bahawa kampung *Minh Huong* didirikan oleh orang Cina dinasti Ming yang datang ke Quang Nam, selatan Vietnam untuk mencari perlindungan politik selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming pada tahun 1644.

Pada tahun 1679, apabila kerajaan Nguyen Phuc Tan (*Chua Hien*) membenarkan 3000 orang pelarian Cina dinasti Ming tinggal di Gia Dinh, ia merupakan titik tolak dalam sejarah imigran Cina dan kawasan Gia Dinh. Sejak waktu itu, pusat petempatan orang Cina berpindah dari Hoian ke Saigon. Selepas pelarian Cina dinasti

³² Tokong Minh Huong Tuy Tien Duong di Hoian, Vietnam dan Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.45.

³³ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.55.

Ming mendirikan petempatan di kawasan Gia Dinh, terutamanya di Mytho dan Bien Hoa, maka kedua-dua kawasan tersebut telah berkembang menjadi pusat perdagangan yang maju dan berjaya menarik perhatian para pedagang Cina, Barat, Jepun dan Melayu untuk berdagang di sini.³⁴ Sepanjang abad ke-18, imigran Cina telah mula berpindah ke lembangan sungai Saigon sehingga mereka berjaya menemui tempat tinggal yang kekal di Saigon.

Nama Gia Dinh wujud dalam sejarah selatan Vietnam pada tahun 1698. Perkataan Gia Dinh merupakan gabungan dua perkataan Cina iaitu *Gia* dan *Dinh*. *Gia* bermaksud cantik atau gembira, sementara *Dinh* bermaksud membuat keputusan atau keamanan. Gia Dinh merupakan sebahagian daripada tanah jajahan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Gia Dinh merujuk kawasan Bien Hoa dan Saigon pada zaman sekarang. Sehingga pada penghujung abad ke-18, Gia Dinh merujuk kawasan selatan Vietnam dari Bien Hoa hingga ke Hatien. Pada tahun 1698, kerajaan Nguyen menggerakkan para petani untuk membina kampung-kampung dan memperkenalkan sistem cukai di selatan Vietnam.³⁵

Sebelum pelarian Cina sampai di kawasan Gia Dinh pada tahun 1679 selepas kejatuhan dinasti Ming di China pada tahun 1644, orang Vietnam sudah mendirikan petempatan mereka di sini. Penghijrahan orang Vietnam dari kawasan tengah Vietnam ke Gia Dinh adalah dalam kumpulan yang kecil dan berterusan. Menurut kerajaan Nguyen, orang Vietnam telah sampai di Bien Hoa pada tahun 1647.³⁶ Namun menurut

³⁴ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Region of Minh Mang (1820-1841), Central Polisi and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.38.

³⁵ Ibid., hlm.19-20.

³⁶ Ibid., hlm. 38.

Nguyen Dinh Dau, orang Vietnam telah bertapak di kawasan Gia Dinh pada abad ke-16.³⁷ Sementara orang Cina berhijrah ke sini dalam kumpulan yang besar. Kehadiran orang Cina di Gia Dinh telah membuktikan bahawa mereka lebih kuat dan lebih berpengaruh dalam perubahan kebudayaan dan ekonomi di kawasan Gia Dinh. Orang Cina di sini berjaya menukarkan ciri-ciri kebudayaan dan ekonomi orang Khmer dan orang Vietnam kepada kebudayaan dan ekonomi yang bercirikan orang Cina.³⁸ Ini membuktikan bahawa orang Cina memainkan peranan terpenting sebagai perintis penyebaran kebudayaan Cina atau melemahkan pengaruh Khmer di kawasan Gia Dinh. Semasa pelarian Cina dinasti Ming sampai di selatan Vietnam, kawasan yang subur di sekitar Saigon masih merupakan tanah jajahan Kemboja.

Pada tahun 1698, bilangan orang Vietnam yang berdaftar di Gia Dinh adalah kira-kira 40,000 orang. Dari tahun 1679 hingga tahun 1698, peningkatan bilangan orang Vietnam di Gia Dinh adalah disebabkan oleh wujudnya petempatan orang Cina di sini.

Menurut sejarawan istana, selepas pelarian Cina dinasti Ming tinggal di Mytho dan Bien Hoa, elemen umum kebudayaan seperti Confucious, agama Buddha Mahayana dan tulisan klasik Cina dikongsi bersama oleh orang Asia Timur-laut. Pada tahun 1698, kampung *Minh Huong* (*Minh Huong Xa*) telah dibentuk oleh pelarian Cina dinasti Ming yang tinggal di Saigon. Sementara kampung *Thanh Ha* (*Thanh Ha Xa*) telah didirikan oleh kumpulan lain pelarian Cina dinasti Ming yang tinggal di Bien Hoa. Selepas itu,

³⁷ Nguyen Dinh Dau, *Che Do Cong Dien Cong Tho Trong Lich Su Khan Hoang Lap Ap o Nam Ky Luc Tin* (Sistem Tanah Awam dalam Sejarah Penerokaan di Enam Wilayah Nam Ky), Ha Noi : Hoi Su Hoc Viet Nam, 1992, hlm. 31.

³⁸ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policy and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.39.

Kampung *Thanh Ha* dihapuskan. Sebaliknya kampung *Ming Huong* digunakan untuk merujuk mana-mana kampung pelarian Cina dinasti Ming.³⁹

Identiti Minh Huong

Majoriti pelarian Cina dinasti Ming adalah terdiri daripada tentera yang bujang. Oleh yang demikian, mereka berkahwin dengan wanita Vietnam. Ekoran daripada itu, perkahwinan di antara orang *Minh Huong* dengan orang Vietnam telah mewujudkan budaya yang baru. Pada hakikatnya, identiti orang Cina dan pengekalan sistem patriarki Cina masih kukuh. Misalnya 3000 orang pelarian Cina dinasti Ming merupakan salah satu kumpulan di China yang tegas mempertahankan identiti Cina dan menentang pengaruh orang Manchu yang tidak bertamadun (*barbarian*). Pelarian Cina dinasti Ming (orang *Minh Huong*) menganggap diri mereka merupakan Cina jati berbanding dengan imigran Cina dinasti Qing (orang *Thanh Ha*). Ini kerana orang *Thanh Ha* dikatakan telah mengalami dan menerima amalan dinasti Qing dari segi pakaian dan gaya rambut iaitu menyimpan tocang.⁴⁰

Tambahan pula, dinasti Ming merupakan salah satu dinasti di China yang didirikan oleh orang Cina jati dan mengekalkan konsep bahawa China merupakan pusat dunia. Memang sukar untuk pelarian Cina dinasti Ming untuk melupakan identiti mereka sebagai Cina di negara Vietnam.⁴¹ Terdapat kanak-kanak *Ming Huong* yang mungkin telah hilang perasaan identiti sebagai orang Cina jati kerana dipengaruhi oleh ibu mereka yang merupakan orang Vietnam secara khasnya dan orang Vietnam secara amnya. Namun, asalkan mereka merupakan ahli berdaftar kepada Persatuan *Minh*

³⁹ Ibid., hlm.39.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Ibid.

Huong, maka ini bermaksud mereka masih mengekalkan identiti mereka sebagai keturunan Cina.⁴² Proses ini merupakan satu transformasi dalam komuniti *Minh Huong*. Maka wujudnya isu sama ada keturunan *Minh Huong* masih dianggap Cina jati ? Pada pendapat saya, walaupun keturunan *Minh Huong* masih dianggap sebagai Cina namun mereka ini bukan lagi merupakan Cina jati kerana anak-anak *Minh Huong* merupakan hasil keturunan daripada dua kaum yang berbeza iaitu orang Cina dan orang Vietnam. Kewujudan komuniti *Minh Huong* di selatan Vietnam sama seperti komuniti Cina Peranakan yang ada di negara Malaysia yang dikenali sebagai Baba dan Nyonya.

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa orang *Minh Huong* masih mengekalkan identiti mereka sebagai Cina di selatan Vietnam. Bukti tersebut ialah tokong Cina iaitu *Minh Huong Gia Thanh* yang terletak di 380 Jalan Tran Hung Dao, daerah 5, Saigon. Di dalam *Minh Huong Gia Thanh*, terdapat kepingan ukiran Chu Yuan Chang (pengasas dinasti Ming) yang terletak di tengah-tengah altar. Sementara di sebelah kiri terdapat kepingan ukiran Trinh Hoai Duc dan Ngo Nhan Tinh. Kedua-dua orang tokoh ini merupakan ahli *Minh Huong* dan terlibat dalam pentadbiran Gia Dinh. Di sebelah kanan pula, terdapat kepingan ukiran Tran Thuong Xuyen (seorang pemimpin pelarian Cina dinasti Ming yang tinggal di Bien Hoa) dan Nguyen Huu Canh (gabenor pertama bandar Gia Dinh, berbangsa Vietnam). Nguyen Huu Canh mempunyai hubungan yang rapat dengan *Minh Huong*.⁴³ Kepingan ukiran tersebut memberi dua gambaran kepada kita. Yang pertama, orang *Minh Huong* di Gia Dinh bersemangat tinggi untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Cina dan merupakan pengikut setia kerajaan dinasti Ming di China yang telah digulingkan oleh

⁴² Ibid., hlm.40.

⁴³ Ibid.

kerajan Manchu pada tahun 1644. Yang kedua ialah sumbangan bekas pegawai dinasti Ming iaitu Trinh Hoai Duc dan Ngo Nhan Tinh kepada kerajaan selatan Vietnam dalam bidang politik. Trinh Hoai Duc merupakan keturunan Cina dari wilayah Fujian di China. Beliau telah dilantik sebagai pegawai daerah di Bien Hoa oleh kerajaan Nguyen. Kemudian beliau dinaikkan pangkat sebagai pegawai Khanh Hoa dan Phu An.⁴⁴ Manakala Ngo Nhan Tinh merupakan golongan mandarin pada zaman pemerintahan Gia Long (1802). Trinh Hoai Duc dan Ngo Nhan Tinh juga merupakan penyajak Cina yang terkenal di Gia Dinh.⁴⁵

Pada tiang kayu dalam *Minh Huong Gia Thanh*, terdapat sebuah sajak yang dikarang oleh Trinh Hoai Duc (1765-1825). Sajak tersebut ialah

*“The fragrance has fulfilled heaven and earth,
It has spread to the land of Vietnam,
The dragon settles down deeply and promotes literature.”⁴⁶*

Kesemua tokoh Cina di atas telah menunjukkan bahawa mereka bersiap sedia untuk menyertai masyarakat Vietnam dengan memakai pakaian Vietnam, bertutur dalam bahasa Vietnam dan mengikuti cara hidup orang Vietnam. Namun demikian, mereka masih mengekalkan ciri-ciri dan identiti asal mereka sebagai orang Cina.⁴⁷

⁴⁴潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 50-51. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

⁴⁵ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.50.

⁴⁶ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policies and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.40 dan Tokong Cina iaitu Minh Huong Gia Thanh yang terletak di Gia Dinh, selatan Vietnam.

⁴⁷ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policies and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.40.

Sementara epigrafi yang diukir pada plat Gia Thinh Duong di dalam bangunan Minh Huong Gia Thanh, terdapat perkataan bahasa Cina 明香社公立 (*Minh Huong She Gong Li*) di sebelah kiri plat yang bermaksud “didirikan oleh Persatuan Minh Huong”. Sebenarnya perkataan Minh bermaksud dinasti Ming, sementara Huong bermaksud harum. Maka maksud keseluruhannya ialah bau harum daripada dinasti Ming.

Rajah 4.1 : Epigrafi pada plat Gia Thinh Duong dalam Tokong Minh Huong Gia Thanh di Gia Dinh, selatan Vietnam



Sumber : Tokong Minh Huong Gia Thanh di Gia Dinh, selatan Vietnam.⁴⁸

Akan tetapi, atas perintah maharaja Ming Mang pada tahun 1826, perkataan 香 (*Huong*) telah ditukar kepada 網 (*Huong*) dengan sebutan yang sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza. 網 (*Huong*) di sini bermaksud negara atau kampung halaman. Tindakan yang diambil oleh maharaja Ming Mang adalah bertujuan untuk mengurangkan prestij orang Cina *Minh Huong* di selatan Vietnam.⁴⁹ Maka maksud

⁴⁸ Tokong Minh Huong Gia Thanh di Gia Dinh, selatan Vietnam.

⁴⁹ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policies and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.40.

Minh Huong (明乡) di sini ialah kampung halaman orang Cina dinasti Ming atau kampung halaman orang *Minh Huong* di selatan Vietnam.⁵⁰

Walaupun perkataan 乡(Huong) tercatat pada plat, namun terdapat sebuah loceng gangsa yang terdapat dalam *Minh Huong Gia Thanh* masih menggunakan perkataan 香 (Huong) yang bermaksud harum dalam 明香社公立 (*Minh Huong She Gong Li*) di permukaan loceng gangsa yang bermaksud “dibuat oleh Kampung *Minh Huong*”. Loceng gangsa ini adalah seperti gambar di bawah.

Rajah 4.2 : Loceng Gangsa dalam Minh Huong Gia Thanh di Gia Dinh



Sumber : Tokong *Minh Huong Gia Thanh* di Gia Dinh, selatan Vietnam⁵¹

⁵⁰ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.8 dan Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.56.

⁵¹ Tokong *Minh Huong Gia Thanh* di Gia Dinh, selatan Vietnam.

Plat yang satu lagi juga menggunakan perkataan 乡 (Huong) yang bermaksud negara atau kampung halaman iaitu dalam ayat 明乡社 (*Minh Huong Xa*) seperti gambar di bawah. 明乡社 (*Minh Huong Xa*) bermaksud Kampung *Minh Huong*.

Rajah 4.3 : Plat Minh Huong Xa dalam Minh Huong Gia Thanh di Gia Dinh



Sumber : Tokong Minh Huong Gia Thanh di Gia Dinh, selatan Vietnam ⁵²

Walaupun orang *Minh Huong* mengekalkan identiti mereka sebagai orang Cina, ia tidak menghalang pemimpin Gia Dinh daripada melantik orang *Minh Huong* memegang jawatan penting dalam pentadbiran Gia Dinh di selatan Vietnam. Disebabkan orang *Minh Huong* mempunyai pemahaman terhadap masyarakat Vietnam, maka mereka terutamanya ahli-ahli “*Binh Duong Thi Xa*” telah dilantik untuk memegang jawatan pegawai tinggi dalam pemerintahan Gia Dinh. *Binh Duong Thi Xa* merupakan sebuah kelab yang dinamakan sempena nama daerah *Binh Duong* yang berdekatan dengan Saigon. Ia juga dikenali sebagai “*Son Hoi*” yang merupakan sebuah kelab kesusasteraan Cina di mana nama samaran ahlinya berakhir dengan perkataan

⁵² Tokong Minh Huong Gia Thanh di Gia Dinh, selatan Vietnam.

“Son” yang bermaksud gunung. Ahli-ahli kepada kelab ini termasuklah Le Quang Dinh, Trinch Hoai Duc, Ngo Nhan Tinh, Huynh Ngoc Uan dan Diep Minh Phung.⁵³ Pemikiran terbuka barisan pemimpin pemerintahan Gia Dinh telah membuka lembaran baru dalam sejarah orang *Minh Huong* di selatan Vietnam. Ini adalah kerana pada zaman pemerintahan Gia Dinh, orang *Minh Huong* (orang Cina) mula memainkan peranan penting sebagai pembuat keputusan di istana.

Orang Cina yang berhijrah dari China dan ingin menetap di Hoian perlu berdaftar dengan kampung *Minh Huong*. Lelaki *Minh Huong* diberi hak untuk memiliki tanah, dikecualikan daripada kerahan tenaga dan dibenarkan menduduki peperiksaan kerajaan untuk memegang jawatan di istana.⁵⁴

Pembentukan Komuniti Thanh Ha

Kumpulan kedua imigran Cina yang tinggal di selatan Vietnam dikenali sebagai “*thanh nhan*” yang merujuk kepada imigran Cina yang datang dari China dan tinggal di selatan Vietnam pada abad ke-18 dan abad ke-19 iaitu semasa dinasti Qing di China. Kumpulan ini juga menggelar diri sebagai orang Cina tetapi mereka berasal dari suku orang Manchu yang memerintah China pada zaman dinasti Qing. Oleh yang demikian, apabila mereka sampai di Bien Hoa, selatan Vietnam, mereka telah mendirikan kampung *Thanh Ha*. Mereka ini juga dikenali sebagai orang Cina dinasti Qing.

⁵³ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policies and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.41.

⁵⁴ Charles J. Wheeler, “Cross-Cultural Trade and Trans-Regional Networks in the Port of Hoia An : Maritime Vietnam in the Early Modern Era”, PhD Thesis, Yale University : Faculty of the Graduate School, 2001, hlm. 150.

Komuniti *Thanh Ha* yang berada di Bien Hoa, selatan Vietnam mengamalkan adat orang Manchu iaitu memakai pakaian orang Manchu dan menyimpan tocang.⁵⁵

Orang Cina dinasti Qing (*thanh nhan*) yang berada di selatan Vietnam enggan diasimilasikan dan jarang cuba untuk belajar bahasa Vietnam. Mereka mempunyai persatuan sendiri yang dikenali sebagai “*bang*” berdasarkan asal usul kampung halaman mereka di China. *Thanh Nhan* juga memainkan peranan yang penting dalam sejarah selatan Vietnam pada abad ke-18.

Selepas berlakunya peristiwa pembunuhan beberapa ribu orang Cina di Gia Dinh oleh tentera Tay Son pada tahun 1782, maka adalah sukar untuk mencari tokoh *thanh nhan* yang berpengaruh di mana-mana kumpulan pemegang kuasa di Gia Dinh. Dalam sistem pemerintahan di Gia Dinh, *thanh nhan* berkhidmat sebagai tentera berdasarkan jumlah ahli dalam setiap *bang* di Gia Dinh sejak tahun 1789. Sementara orang Cina yang berada di kawasan yang kurang penting seperti Tra Vinh, Soc Trang dan Hatien diambil untuk berkhidmat dalam unit tentera.⁵⁶

Dalam sistem pemerintahan di Gia Dinh, peranan orang Cina yang paling menonjol adalah penglibatan dalam aspek pembekalan barang-barang dan pembuatan. Dari tahun 1789, pedagang Cina menjalankan urusniaga besi, timah hitam (plumbum) dan sulfur di Gia Dinh untuk menukar dengan barang-barang China seperti beras, kain kapas dan sutera mentah. Memandangkan sempadan jajahan Gia Dinh telah diperluaskan ke utara, maka kawasan ini mula mengalami ketidakstabilan harga beras.

⁵⁵ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policies and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.41.

⁵⁶ Ibid.

Untuk menyelesaikan masalah tersebut, maka kerajaan terpaksa mengimport beras dari Siam. Pada tahun 1791, apabila pemimpin Gia Dinh membuat keputusan untuk mengimport beras dari Siam, *thanh nhan* mendapati bahawa mereka perlu bergantung pada orang Cina *Minh Huong* untuk menjalankan urusan perdagangan.⁵⁷

Perdagangan yang giat sentiasa merupakan asas hubungan di antara kedua-dua bandar perdagangan Hoian dan Thanh Ha. Perdagangan di antara Hoian dan Phu Xuan serta Thanh Ha telah memudahkan penghantaran barang-barang di antara bandar ini.⁵⁸ Thanh Ha berhampiran dengan pihak berkuasa daerah Phu Xuan. Walaupun pemerintah Nguyen berminat terhadap hadiah-hadiah komoditi yang dibawa oleh pedagang asing, namun pelabuhan Thanh Ha hanya menerima kapal-kapal asing yang majoritinya kapal Cina atas sebab keselamatan politik. Sementara kapal-kapal Barat diwajibkan berlabuh di Hoian sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan Nguyen. Hanya sebilangan kecil pedagang bernasib baik berpeluang ke Phu Xuan untuk urusan perjumpaan dengan pemerintah Nguyen di istana dan mereka ini dibenarkan meletakkan barang-barang mereka di sana. Tambahan pula, terdapat pedagang asing yang berminat berniaga di Hoian atas sebab sistem pengawalan perdagangan yang longgar dan cukai yang rendah. Oleh yang demikian, barang-barang di Hoian adalah pelbagai jenis dan murah berbanding dengan barang-barang yang dijual di Thanh Ha, terutamanya barang-barang keluaran dari dareah selatan dan negara-negara Barat.⁵⁹

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ Do Bang, “The Relations and Pattern of Trade Between Hoi An and the Inland” dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2nd Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.150.

⁵⁹ Ibid., hlm.150.

Dalam hubungan perdagangan di antara Hoian dan Thanh Ha serta perniagaan berdikari kecil dalam kalangan orang Cina yang tinggal di Thanh Ha, didapati bahawa Thanh Ha pada peringkat awal bergantung pada Hoian di Quang Nam untuk menjalankan perdagangan. Namun di bawah pemerintahan Tay Son (1786-1801), Thanh Ha menjadi unit pentadbiran berdikari yang berasingan yang dikenali sebagai “Perkongsian Hidup Minh Huong --- Jalan Thanh Ha” (*Minh Huong Commune – Thanh Ha Street*). Selain itu, hubungan perdagangan di antara Hoian dan Qui Nhon juga berlaku di Jalan China (*Chinese Street*).⁶⁰

Hubungan di antara Orang Cina dengan Orang Vietnam

Apabila Nguyen Hoang dilantik sebagai gabenor di Thuan Hoa (Vietnam Tengah) pada tahun 1558, maka sejak waktu itulah kerajaan Vietnam berpecah kepada dua buah kerajaan iaitu utara Vietnam di bawah pemerintahan Trinh sementara selatan Vietnam di bawah pimpinan Nguyen Hoang. Hal ini sedemikian adalah kerana berlakunya perebutan kuasa di antara kedua-dua tokoh tersebut. Kerajaan Trinh dan kerajaan Nguyen masing-masing mengakui Maharaja Le yang berada di Thang Long (kini dikenali sebagai Hanoi) sebagai ketua pemerintah yang rasmi di Dai Viet (Vietnam).

Nguyen Hoang merupakan seorang yang dinamik dan inovatif yang boleh menerima idea baru. Gerakan *nam tien* yang dilakukan oleh Nguyen Hoang merupakan lembaran baru dalam sejarah Vietnam. Selepas mendirikan kerajaan selatan Vietnam di

⁶⁰ Do Bang, “The Relations and Pattern of Trade Between Hoi An and the Inland” dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2nd Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.151.

Thuan Hoa, pemerintah Nguyen telah memperluaskan kuasanya ke selatan Vietnam dengan menakluki Champa untuk memperkuatkan kerajaan beliau. Malah selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China pada tahun 1644, pemerintah Nguyen Phuc Tan menerima kedatangan imigran Cina ke selatan Vietnam. Bagi pemerintah Nguyen Phuc Tan, imigran Cina ini merupakan tenaga manusia dan sumber kewangan kepada kerajaan beliau dalam usaha menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam. Dasar buka pintu yang diamalkan oleh kerajaan Nguyen telah mendorong ramai orang Cina berhijrah ke selatan Vietnam.

Hubungan di antara imigran Cina dengan orang Vietnam di selatan Vietnam dapat dilihat dengan jelasnya selepas kejatuhan dinasti Ming di China. Misalnya pada tahun 1679, apabila kira-kira 3000 orang pegawai Cina, tentera dan ahli keluarga di bawah pimpinan Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen mendarat di Thuan An (merupakan Thua Thien pada hari ini, yang berdekatan dengan Hue) yang terletak di Vietnam Tengah, mereka meminta kebenaran daripada kerajaan Nguyen di Hue untuk mengusahakan tanah. Sebagai balasan, mereka akan membayar cukai kepada kerajaan Hue. Permintaan mereka telah diterima oleh kerajaan Nguyen dan mereka diberi tanah di Dong Nai yang terletak di bahagian selatan Vietnam, yang juga dikenali sebagai *Nam Ky* atau *Nam Bo*.⁶¹ Sebahagian daripada orang Cina di bawah pimpinan Tran Thuong Xuyen telah sampai ke Bien Hoa di wilayah Dong Nai. Sebahagian lagi mengikut Duong Ngan Dich sampai ke My tho yang berada di Tien Giang, dataran Mekong.⁶² Apabila kedatangan orang Cina diterima oleh pemerintah Nguyen dan mereka

⁶¹ Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15

⁶² 潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

dibenarkan tinggal di selatan Vietnam, ini telah menunjukkan bahawa sudah wujudnya hubungan awal di antara orang Cina dengan orang Vietnam iaitu pemerintah Nguyen.

Orang Cina di selatan Vietnam cuba mengekalkan hubungan yang baik dengan pemerintah Nguyen agar mereka dapat hidup aman damai di selatan Vietnam. Bagi imigran Cina, mereka memandang selatan Vietnam sebagai kampung halaman mereka kedua selain China. Pada pandangan orang Cina di selatan Vietnam, mengekalkan hubungan yang baik dengan pemimpin tempatan dapat mrnjamin keamanan hidup di sini.

Malah hubungan baik yang dijalin di antara orang Cina dengan kerajaan Nguyen telah mendorong pemerintah Nguyen melantik orang-orang Cina yang berpengalaman dalam pentadbiran dan berkelayakan untuk memegang jawatan tertentu dalam bidang politik dan ekonomi.

Selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China pada tahun 1644, datuk Trinh Hoai Duc iaitu Trinh Hoi membawa ahli keluarga beliau berhijrah ke Bien Hoa yang terletak di selatan Vietnam untuk memulakan kehidupan baru.⁶³ Bapa Trinh Hoai Duc iaitu Trinh Khanh merupakan seorang yang berpengetahuan luas dan berbakat. Beliau dihormati oleh masyarakat tempatan. Kebijaksanan Trinh Khanh telah menarik perhatian kerajaan Nguyen. Justeru itu, beliau dilantik oleh Pemerintah Nguyen sebagai gabenor di pelabuhan Qui Nhon (Binh Dinh). Beliau bertanggungjawab terhadap

⁶³ Ibid., hlm. 50.

pemeriksaan kapal-kapal dagang dari China dan negara lain yang masuk ke pelabuhan Qui Nhon untuk pertukaran barang dagang.

Semasa tercetusnya pemberontakan Tay Son, pada tahun 1771, Trinh Hoai Duc bersama emaknya ke Bien Hoa, selepas itu, mereka berhijrah ke Gia Dinh iaitu kawasan yang berdekatan dengan Cholon-Saigon. Pada tahun 1788, selepas Nguyen Phuc Anh berjaya merampas balik kawasan Gia Dinh, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai *Han Lin Zhi Gao* (翰林制誥). Pada tahun kedua, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai *Tian Jun Guan* (田俊官) di daerah Tran Bien untuk meneroka dan membangunkan dataran Mekong. Setahun kemudian, beliau dinaikan pangkat menjadi pegawai Khanh Hoa dan Phu An.⁶⁴ Pada tahun 1794, Trinh Hoai Duc pergi ke Mytho dan bertugas di jabatan perekodan.

Semasa pemerintahan Nguyen Phuc Tan, pasukan tentera Cina di bawah pimpinan Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen telah berhijrah ke Mytho dan Bien Hoa dan Chan Lap untuk meneroka kawasan tersebut. Pasukan tentera Cina tersebut juga diarah untuk berperang dengan tentera Kemboja. Misalnya, atas arahan daripada kerajaan Nguyen (Nguyen Phuc Tran, 1687-1691 dan Nguyen Phuc Chu, 1691-1725), Jeneral Tran Thuong Xuyen⁶⁵ telah memimpin pasukan tentera Longmen untuk menyerang Kemboja pada tahun 1688 dan tahun 1699.⁶⁶ Dalam hal ini, tindakan Jeneral Tran Thuong Xuyen boleh dilihat dari sudut untuk membalas jasa pemerintah

⁶⁴ Ibid., hlm. 50-51.

⁶⁵ Menurut Dai Nam Liet Truyen Chinh Bien So Tap, Vol. 3, Tran Thuong Xuyen merupakan Jeneral Longmen semasa dinasti Ming di China.

⁶⁶ Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.171.

Nguyen yang sanggup menerima mereka untuk tinggal di selatan Vietnam. Malah selepas Tran Thuong Xuyen meninggal dunia, kerajaan Nguyen telah membina tokong Tan Lan (tokong Tran Thuong Xuyen) di Bien Hoa untuk memperingati jasa beliau.

Sementara Mac Cuu yang meninggalkan Guang Dong pada tahun 1671 dan sampai di persisiran pantai Cao Men, kemudian berpindah ke Hatien dilantik oleh pemerintah Nguyen sebagai *Tong Binh* untuk memerintah Hatien di bawah perlindungan pemerintah Nguyen Phuc Chu.⁶⁷ Hal ini telah membuktikan bahawa hubungan yang erat di antara orang Cina dengan kerajaan Nguyen telah membawa keamanan dan kemajuan Hatien. Amanah yang diberikan kepada Mac Cuu membuktikan bahawa kerajaan Nguyen mempercayai kebolehan Mac Cuu untuk mentadbir kerajaan. Hal yang sama juga berlaku pada anak Mac Cuu iaitu Mac Thien Tich. Beliau telah diberi kebenaran oleh kerajaan Nguyen untuk memerintah Hatien.

Dalam bidang ekonomi pula, memandangkan orang Cina memainkan peranan yang penting dalam perdagangan, maka sebilangan orang Cina telah dilantik untuk memegang jawatan dalam pentadbiran untuk menguruskan perdagangan pada zaman pemerintahan Nguyen di selatan Vietnam. Misalnya Liu Qing yang memegang jawatan *Cai Phu* yang bertanggungjawab untuk menguruskan perdagangan asing.

Sementara Khong Thien Nhu dilantik sebagai pegawai *Cai Phu Tau* (该府) yang bertanggungjawab mengawal jong-jong perdagangan negara asing, menyelia tempat

⁶⁷ 河仙镇叶镇鄭氏家譜 (Genealogi Keluarga Mac di Hatien), to1a-to4b (Ha Tien Tran Hiep Mac Thi Gia Pha, hlm. 1a-4b). 郑禳德, 嘉定城通志 (*Sejarah Gia Dinh*), 卷三, hlm.206. (Trinh Hoai Duc, *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, Vol., hlm.206).

tinggal orang Cina dan pedagang Cina yang baru sampai di Hoian. Manakala Chau Ky Son pernah berkhidmat kepada kerajaan Nguyen sebagai *Cai Phu Tau* dengan gelaran khas “*Noi Vien*”(内院) yang bertanggungjawab sebagai penasihat atau kaunselor kepada istana Nguyen.⁶⁸

Ngo Dung Minh yang berasal dari kumpulan *Luc Tinh* (*Six clans*) juga pernah bekerja di jabatan *Cai Phu Tau* pada zaman pemerintahan Nguyen.⁶⁹ Begitu juga Tay Cong Quan yang berasal dari keluarga Tay Quoc Tuong (ahli *Thap Lao*) juga dilantik sebagai *Noi Vien* pada zaman pemerintahan Nguyen Phuc Chu (*Ming Vuong*, 1691-1725) di Hoian. Tay Cong Quan yang berasal dari keluarga Tay Quoc Tuong (ahli *Thap Lao*) juga pernah dilantik sebagai *Noi Vien* pada zaman pemerintahan Nguyen Phuc Chu di Hoian.⁷⁰

Selain menguruskan perdagangan sendiri, pedagang Cina juga menjadi orang tengah atau ejen di antara kerajaan Nguyen dengan Syarikat Belanda. Misalnya pada 10 Mei 1636, sebuah jong Cina sampai di Batavia dengan membawa surat rasmi Nguyen Phuc Lan (*Chua Thuong*, 1635-1648) untuk ditujukan kepada gabenor Belanda yang berada di Batavia, Indonesia.⁷¹ Hal ini telah membuktikan bahawa kerajaan Nguyen percaya sepenuhnya terhadap orang Cina yang dilantik oleh kerajaan.

⁶⁸ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.46.

⁶⁹ Ibid., hlm.49.

⁷⁰ Ibid., hlm.54.

⁷¹ Ibid., hlm.21-22.

Selain mempunyai hubungan yang baik dengan pemerintah di Vietnam, orang Cina juga mempunyai hubungan yang erat dengan orang Vietnam. Ini dapat dilihat melalui perkahwinan di antara orang Cina dengan orang Vietnam di selatan Vietnam. Melalui perkahwinan tersebut, maka wujudnya integrasi budaya di antara orang Cina dengan orang Vietnam.

Menurut Da Shan, kebanyakan pedagang Cina yang bermiaga di Hoian berkahwin dengan wanita Vietnam untuk memudahkan segala urusan perdagangan.⁷² Perkahwinan seperti ini bukan sahaja didorong oleh faktor keperluan perdagangan, tetapi juga disebabkan oleh kebudayaan yang hampir sama di antara orang Cina dengan orang Vietnam.

Selain itu, pada abad ke-17, Nguy Chi Diem (Nguy Cuu Su) yang berasal dari Foochow, China telah berhijrah ke Hoian. Beliau telah tinggal di Hoian dari tahun 1654 hingga tahun 1672. Di sini beliau berkahwin dengan wanita Vietnam yang bernama Vi Thi Nghi. Nguy Chi Diem telah berjaya mengumpul kekayaanya melalui perdagangan di antara Quang Nam dengan Jepun yang menguntungkan.⁷³

Kebudayaan Cina telah banyak mempengaruhi kehidupan orang Vietnam dalam pelbagai bidang. Malah kebudayaan Cina telah menjadi sebahagian daripada kebudayaan penduduk Vietnam sejak beberapa abad yang lalu. Hubungan yang mesra di antara orang Cina dan orang Vietnam juga dapat dilihat dalam hal agama dan perayaan.

⁷²大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷四, 北京: 中华书局, 2000, hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80).

⁷³ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.50.

Pada Tahun Baru (*Tet*), orang Cina dan orang Vietnam akan pergi ke tokong Cina dan *hoi quan* (persatuan atau tokong) untuk sembahyang dan memohon restu daripada dewa-dewi agar memberi kebahagiaan dan perlindungan kepada ahli sekeluarga dan komuniti sepanjang tahun.

Maka dapat dirumuskan bahawa hubungan yang baik telah dijalin di antara orang Cina dengan orang Vietnam dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Hal ini telah mendorong mewujudkan sebuah masyarakat yang unik dan harmoni di selatan Vietnam dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran selatan Vietnam.

Hubungan di antara Orang Cina dengan Puak Minoriti Vietnam

Kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam adalah berasal dari kawasan persisiran pantai di selatan China. Sebelum kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam, kawasan ini masih merupakan kawasan yang mundur dan belum diterokai. Kawasan ini diliputi hutan dan kawasan paya yang direntangi oleh sungai-sungai. Juga, sebelum kedatangan orang Cina ke dataran Mekong atau tanah tinggi sebelah timur selatan Vietnam, kawasan-kawasan ini adalah didiami oleh orang Khmer dan orang Vietnam.⁷⁴

Ramai orang Cina dari negara China atau utara Vietnam berhijrah ke selatan Vietnam untuk mencari peluang ekonomi yang lebih cerah memandangkan utara Vietnam kekurangan tanah yang subur untuk pertanian. Apabila orang Cina sampai di

⁷⁴潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 11. (Phan An, Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.11).

selatan Vietnam, mereka telah bersama dengan orang Khmer dan orang Vietnam untuk meneroka dan membangunkan kawasan selatan Vietnam.

Hal yang sama juga berlaku pada tahun 1671 apabila Mac Cuu bersama lebih kurang 400 orang pegawai tentera, askar dan ahli keluarga Mac Cuu berhijrah dari China ke Hatien di wilayah Kien Giang, dataran Mekong. Hatien pada waktu itu dikenali sebagai Mang Kham merupakan tanah jajahan Kemboja.⁷⁵ Setelah bertapak di Hatien, Mac Cuu bersama dengan orang Cina, orang Vietnam dan orang Khmer berusaha meneroka dan membangunkan Hatien.⁷⁶

Orang Cina di selatan Vietnam memang cepat menyesuaikan diri di kawasan baru yang berbeza dengan negara China dari segi keadaan geografi dan alam semula jadi. Namun setelah hidup di selatan Vietnam kira-kira tiga abad untuk menjalankan kegiatan penerokaan kawasan selatan Vietnam, orang Cina di sini sudah mula menerima kebudayaan Khmer dan Vietnam.

Golongan Cina yang datang ke selatan Vietnam hanya bertujuan untuk tinggal tetap di sini. Bagi mereka, selatan Vietnam juga merupakan kampung halaman dan tanahair mereka. Oleh yang demikian, mereka berusaha menganggap diri mereka sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat di sini. Justeru itu, tidak kira sama ada di

⁷⁵Ibid., hlm. 13 dan Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 17.

⁷⁶潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.12).

bandar ataupun di kampung, orang Cina boleh hidup aman damai dengan orang Vietnam dan orang Khmer.

Sebelum kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam, orang Vietnam dan orang Khmer menjalankan kegiatan penerokaan dan pertanian. Apabila orang Cina sampai ke sini, mereka membawa pengalaman penanaman dalam bidang pertanian terutamanya penanaman sayur, mata kucing dan bawang. Mereka berkongsi pengalaman tersebut dengan orang Khmer dan orang Vietnam.⁷⁷ Hal sedemikian bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pertanian, malah telah merapatkan hubungan di antara orang Cina dengan puak minoriti di sini. Sifat orang Cina yang rajin dan tidak sompong telah memudahkan puak minoriti menerima kedatangan mereka dengan hati terbuka.

Selain itu, turut wujudnya perkahwinan di antara orang Cina dengan orang Vietnam ataupun di antara orang Cina dengan orang Khmer. Hal sedemikian telah merapatkan lagi hubungan antara kaum. Hasil perkahwinan di antara orang Cina lelaki dengan wanita Vietnam adalah digelar sebagai orang *Minh Huong*. Perkahwinan sebegini sudah pasti akan wujudnya integrasi kebudayaan orang Cina dengan kebudayaan orang Vietnam.

Di selatan Vietnam, perkahwinan antara kaum adalah perkara lumrah. Dalam hal ini, bagaimana seseorang mengesahkan identiti mereka adalah bergantung kepada ibu bapa mereka. Perkahwinan antara kaum adalah hasil daripada pertukaran kebudayaan antara kaum.

⁷⁷ Ibid., hlm. 106.

Hal yang sama turut berlaku dalam bahasa. Di kawasan seperti Tra Vinh, Soc Trang dan Kim Au yang terletak di delta Mekong, orang-orang Cina, orang Vietnam mahupun orang Khmer, majoriti daripada mereka boleh bertutur sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu sama ada bahasa Cina, bahasa Khmer ataupun bahasa Vietnam. Malah didapati bahawa ramai pemuda Cina menggunakan bahasa Vietnam atau bahasa Khmer untuk berkomunikasi kerana mereka hanya menguasai sedikit bahasa Cina.⁷⁸ Hal ini telah memudahkan komunikasi dan interaksi di antara orang Cina dengan puak minoriti dan seterusnya memupuk perpaduan antara kaum.

Rumusan

Selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China pada tahun 1644, penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam telah mendorong kepada penubuhan kampung *Minh Huong* dan Kampung *Thanh Ha* di selatan Vietnam. Keadaan ini telah membawa perubahan kepada komposisi masyarakat selatan Vietnam.

Walaupun terdapat perbezaan di antara orang *Minh Huong* dengan orang *Thanh Ha*, kedua-dua golongan Cina ini tetap bekerjasama di selatan Vietnam dalam pelbagai bidang. Malah orang Cina di selatan Vietnam juga telah mewujudkan hubungan yang baik dengan orang Vietnam dan orang Khmer di sini sehingga wujudnya integrasi kebudayaan antara kaum.

⁷⁸ Ibid., hlm.105.